

Warga UMP diseru pegang empat elemen asas budaya kerja

KUANTAN - Dalam usaha mencapai keberkesanan dalam membawa Universiti Malaysia Pahang (UMP) maju ke hadapan, empat elemen asas ke arah budaya kerja cemerlang digariskan termasuk sistem nilai, norma, sikap dan etika kerja yang harus dipegang setiap warga universiti ini, kata Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Kata beliau, empat elemen itu menjadi asas untuk mengawal perlakuan kakitangan, cara berfikir, berhubung antara satu dengan yang lain serta interaksi dengan persekitaran yang membawa kepada satu budaya organisasi terbaik sekali gus meningkatkan mutu kerja yang cemerlang dan menyumbang kepada kejayaan

UMP.

"Tujuan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang ialah memupuk satu budaya kerja yang berorientasikan kualiti dan produktiviti dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih cemerlang secara berterusan ke arah mencapai satu tahap yang lebih tinggi," kata beliau melalui kenyataan akhbar yang diterima Sinar Harian, semalam.

Kata beliau, untuk membentuk budaya kerja yang cemerlang setiap kakitangan perlu ada komitmen, kesedaran berhubung kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan untuk cemerlang seterusnya usaha penyesuaian organisasi dapat dilaksanakan dengan mudah.

"Tujuan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang ialah memupuk satu budaya kerja yang berorientasikan kualiti dan produktiviti dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih cemerlang secara berterusan ke arah mencapai satu tahap yang lebih tinggi."

Dr. Daing Nasir Ibrahim

"Budaya kerja cemerlang dalam konteks UMP ialah dengan memahami dan menterjemah apa yang dihasratkan menerusi visinya untuk menjadi sebuah universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf du-

nia dengan terus melaksanakan Pelan Strategik yang dirancang sebelum ini," kata beliau.

Selain itu katanya, nilai teras UMP termasuk nilai keagamaan, mempertahankan prinsip, kreatif dalam membuat keputusan, cekal menghadapi cabaran dan proaktif dalam tindakan perlu dihayati oleh semua kakitangan selain menjadikan 13 nilai-nilai murni sebagai pemacu budaya kerja cemerlang berasaskan nilai, fokus strategi dan berpandukan prestasi.

"Nilai-nilai tersebut ialah mengamalkan prinsip 'just do it dan menetapkan 'date-line', menepati masa, menetapkan tugas secara spesifik, memantau secara rapi setiap projek dan membentuk mind-set yang positif da-

lam membantu memudahkan urusan pelanggan," jelas beliau.

Pada masa yang sama beliau turut menekankan nilai-nilai termasuk tegas menguatkuasakan undang-undang demi kepentingan organisasi, tiada kompromi dalam integriti, mengamalkan sistem 'reward and punishment, bersikap terbuka dan telus, kepimpinan melalui teladan, sentiasa mensyuarah dan sentiasa membuka minda.

"UMP hendaklah bersedia untuk melakukan anjakan paradigma dengan memupuk budaya kerja cemerlang di setiap peringkat iaitu dari kepimpinan tertinggi hingga kepada semua kakitangan termasuk para pelajar," jelas beliau.